



Covid-19 mungkin jadi endemik, perlukan pendekatan berbeza - Dr Jemilah

[BERNAMA](#)



DR Jemilah. FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Seperti yang dinyatakan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Covid-19 berkemungkinan besar menjadi endemik, justeru pendekatan berbeza diperlukan untuk menanganinya, kata Penasihat Khas kepada Perdana Menteri mengenai Kesihatan Awam Tan Sri Dr Jemilah Mahmood.


Beliau berkata, hal ini diperlukan sekalipun negara berjaya menurunkan bilangan kes harian serta mencapai imuniti kelompok.

"Seperti denggi, kita terus mengambil langkah pencegahan dari segi kebersihan diri.

"Mungkin kita perlu meneruskan amalan pemakaian pelitup muka di tempat sesak dan amalan ini agak meluas di banyak negara di Asia Timur seperti Jepun dan China," katanya dalam program Mid-Day Update yang disiarkan Bernama TV, hari ini.

Dr Jemilah berkata, suntikan vaksin bermusim juga mungkin diperlukan untuk mengawal Covid-19 seperti yang dilakukan di Eropah bagi mengekang flu atau demam selesema bermusim.

Mengenai Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang diumumkan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin beliau berkata, pelan itu



Trending



[Ronaldo dibaling botol Coca-Cola](#)



[Gerombolan 'lembaga' putih \[METROTV\]](#)



[Murung selepas perniagaan gagal, lelaki terjun tingkat 10 pangsapuri](#)



[Pulanglah nak...ayah rindukan kamu Asraf](#)

menteri dan Dr Jemilah Jamil, bekas menteri, pernah
mengetengahkan petunjuk dan sasaran yang perlu dicapai oleh
Malaysia untuk mengawal pandemik ini.

Katanya, PPN adalah pelan hala tuju negara untuk keluar daripada
krisis kesihatan akibat pandemik Covid-19.

"Setiap pelan pemulihan bergantung pada beberapa faktor.

"(Dalam kes ini) pemacu utama ialah petunjuk kesihatan awam,
kapasiti sistem kesihatan untuk menampung serta kadar vaksinasi
kita kerana kita tidak boleh berterusan berada di bawah sekatan
pergerakan penuh sedangkan ekonomi perlu dihidupkan semula dan
berkembang," katanya.

Sehubungan itu, Dr Jemilah berkata, Program Imunisasi Covid-19
Kebangsaan amat penting kepada kejayaan PPN kerana kedua-
duanya bergerak seiring bagi mencapai imuniti kelompok menerusi
pembvaksinan ke atas 70 hingga 80 peratus penduduk negara.

Pada 15 Jun lalu, Muhyiddin mengumumkan PPN, satu strategi untuk
mengeluarkan negara daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
dan pandemik Covid-19 menerusi empat fasa.

Dr Jemilah juga bersetuju dengan pandangan Menteri Penyelaras
Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin bahawa
WHO patut meminta semua negara mengiktiraf semua jenis vaksin
Covid-19 yang disenaraikan oleh pertubuhan itu.

"Jika WHO iktiraf, maka ia harus diiktiraf oleh semua negara lain di
dunia ini. Kita tidak boleh terperangkap dalam geopolitik vaksin, kita
perlu pastikan semua orang dilindungi," katanya.

- [Lagi berita berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan](#)
- [Lagi berita berkaitan Covid-19](#)

Disiarkan pada: Jun 23, 2021 @ 5:55pm

Artikel Berkaitan




UTAMA

['Kita perlu bersedia hidup bersama Covid-19'](#)



MUTAKHIR

[Imuniti kelompok terpenting](#)



Mutakhir



[Kedudukan UUM meningkat](#)




[Hospital Ampang berstatus hospital rawatan pesakit Covid-19 sepenuhnya](#)



[Seludup lembu Thailand jam 2 pagi](#)




[Naik bas untuk pecah mesin CDM](#)



[Pemuda Pas mohon kerajaan benar operasi kedai makan dilanjutkan 10 malam](#)



[Polis siasat lelaki gelang 'pink' isi minyak kereta](#)



MUTAKHIR
Vaksin Covid-19 bukan dari gelatin haiwan



MUTAKHIR
Program imunisasi kebangsaan: Belanja RM2.8 trilion sejak 1957

MyResipi



Tips Masak Beras Basmathi Supaya Lembut & Tidak Melekat, Baru Lah Sedap Nak Makan!



Jom Cuba Resepi Korean Cream Cheese Garlic Bread, Hanya Guna Roti Burger Je!



Petua Ikan Bilis Goreng Supaya Kekal Rangup, Boleh Simpan Stok Di Rumah



Resepi Roti Paratha Sosej Cheese Gulung Guna Air Fryer, Semudah ABC!



Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!

Disyorkan untuk anda

Iklan oleh



Mala 7 gre...
Australia.com



Ivanka Trump and Jared Kushner Lease...
Mansion Global



Discover Luxury Retirement Homes Near...
Senior Living | Search...



Jika sendi and...
asiastory.news



Petaling Jaya: Unsold SUVs are almost being...
SUVs | Search Ads



15 Pairs Of Celebs With Crazy...
Parentsdome Galleries



Mendapatkan pinjaman mungkin lebih...
Pinjaman | Senarai Ta...



9 Out of 10 Baby Boomers Fail This Quiz, Will...
TooCool2BeTrue



© 2021 Harian Metro, New Straits Times Press (M) Bhd.
A part of Media Prima Group.

Hubungi Kami
Team myMetro
RSS Feed
Disclaimer
Notis Perlindungan
Data Peribadi

Utama
Mutakhir
Global
Arena
Rap/Rapxtra
Bisnes
MetroTV

Akademia
#ITMetro
Ku Bela
Santai
P&P
Dekotaman
WM

Addin
Rencana
Sihat
Xpresi
Vroom
Galeri
Infografik